

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26 August 2015

Langkah pembaharuan kukuh ekonomi negara

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 25 Ogos - Langkah kerajaan memperkenalkan beberapa pembaharuan telah berjaya mengukuhkan kedudukan ekonomi serta kewangan negara walaupun ketika situasi ekonomi global tidak menentu masa ini, berbanding ketika Malaysia berhadapan krisis kewangan Asia 1997.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan telah belajar ekoran berlakunya krisis kewangan tersebut dengan memperkenalkan beberapa pembaharuan seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebagai persediaan awal sekiranya berlaku fenomena sama.

Beliau berkata, ETP merupakan satu pembaharuan yang antara tujuannya mengurangkan fiskal defisit negara dan usaha tersebut penting bagi memastikan rakyat tidak terlalu terbeban terutama ketika berhadapan dengan situasi ekonomi seperti sekarang.

"Melalui pelaksanaan ETP mungkin menjelang akhir tahun ini defisit kita cuma 3.2 peratus berbanding 6.7 peratus pada tahun 2009. Maknanya secara konsisten pembaharuan mesti dilaksanakan walaupun sakit dan tidak popular.

"Lambat laun rakyat akan sedar bahawa pembaharuan itulah yang memberi ldtta kekuatan apabila berdepan dengan keadaan yang muram dan tidak menentu seperti yang berlaku ketika ini. Kita telah memulakan pembaharuan ini lebih awal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 Perbendaharaan Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Sebanyak 65 warga Perbendaha-

UM-26/8/2015

Cuba bayangkan juga sekiranya kita tidak mengurangkan subsidi minyak. Kita terpaksa keluaran belanja RM20 bilion setahun untuk menampung subsidi pukal."

DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

raan Malaysia menerima anugerah tersebut.

Najib dalam ucapannya turut mengajak semua pihak membayangkan sekiranya tiada pembaharuan dilakukan sudah tentu kedudukan defisit negara masih lagi pada tahap 6.7 peratus.

"Sekiranya ini yang berlaku, pasti polisi opsyen kita agak terhad. Cuba bayangkan juga sekiranya kita tidak mengurangkan subsidi minyak. Kita terpaksa keluaran belanja RM20 bilion setahun untuk menampung subsidi pukal.

"Sudah tentu ini akan menambahkan lagi beban kewangan negara. Begitu juga sekiranya kita tidak memulakan cukai barang dan perkhidmatan (GST), walaupun tidak popular sekurang-kurangnya GST boleh menampung (kekurangan hasil negara) ketika harga minyak merudum," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, hasil kutipan GST akhirnya akan dikembalikan kepada rakyat dan beliau akan memperincikannya dalam pembentangan Bajet 2016 yang dijadualkan pada Oktober depan.

Menyentuh mengenai situasi ekonomi global ketika ini Perdana Menteri berkata, tiada negara yang terkecuali daripada menerima bahang tersebut apatah lagi kebanyakan puncanya berkaitan dengan wujudnya faktor-faktor luaran.